

06 AUG 2000

PAS-Bantuan

K'JAAN PAS TERENGGANU GUGUR BANTUAN KEPADA 1,496 ORANG MISKIN

JERANTUT, 6 Ogos (Bernama) -- Kerajaan PAS Terengganu menghentikan bantuan kepada 1,496 orang miskin yang menerima bantuan daripada kerajaan Barisan Nasional (BN) sebelum ini, kata Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Idris Jusoh hari ini.

Beliau berkata kerajaan PAS Terengganu juga cuba menyingkir penyokong dan anggota Umno yang memegang jawatan sama ada dalam kerajaan atau institusi masjid.

"Ini jelas menunjukkan kerajaan PAS zalim terhadap rakyat di negeri ini," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Membahas Ucapan Perasmian dan Penutup Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung Umno 2000.

Beliau berkata PAS melaung-laungkan dasar Islam dalam perjuangan mereka tetapi apa yang berlaku tidak menggambarkan corak pemerintahan Islam sebenar sebaliknya mereka bertindak atas ego mereka.

Mengenai masjid, beliau berkata dahulu orang PAS memulaukan masjid yang dibina kerajaan BN kerana menganggap sumber untuk mendirikan masjid itu haram dengan sebab itu tidak boleh bersolat di dalamnya.

"Tapi sekarang masjid yang sama menjadi rebutan mereka pula," katanya lagi.

Idris yang juga Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Terengganu berkata masalah sembahyang dua imam boleh diatasi sekiranya perkara itu dibawa berbincang tetapi penyokong PAS enggan berbuat demikian.

Idris berkata sepatutnya kerajaan PAS memantau perkara ini dari berlaku dan dapat mewujudkan satu budaya masyarakat bersatu padu dan bukannya menggalakkan anggota parti melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan perpecahan.

Yang turut hadir ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Tengku Azlan Sultan Abu Bakar yang juga anggota Parlimen Jerantut.

-- BERNAMA

KMT PR